



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



HMT 223

MORFOLOGI BAHASA MELAYU

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

SEMESTER 2 2021/2022

TAJUK:

ULASAN ARTIKEL :

“ PENGGUNAAN IMBUHAN MEN-, DI- DAN BER- DALAM
PENULISAN KARANGAN RESPONS TERBUKA“

BIL	NAMA AHLI KUMPULAN	NO MATRIK
1	NUR ALIFAH ILYANA BINTI AHMAD SHAHIDI	151598
2	NUR DIHANIS SOFEA BT MD RUSDI	148536
3	MOHAMAD NORHAFIZI BIN HUSIN	148018
4	ROZALINA BINTI ANDI	151776
5	NUR HAZWANI BINTI ZAINI	151381
6	NUR ATHIRAH BINTI CHE ZABELI	148249

NAMA PENSYARAH :

DR. HASMIDAR BINTI HASSAN

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	3-4
2.	IMBUHAN meN- i) Imbuhan meN- menurut Pandangan Nik Safiah Karim ii) Imbuhan meN- menurut Pandangan Asmah Haji Omar iii) Perbandingan	5-8
3.	IMBUHAN beR- i) Imbuhan beR- menurut Pandangan Nik Safiah Karim ii) Imbuhan beR- menurut Pandangan Asmah Haji Omar iii) Perbandingan	9-14
4.	IMBUHAN di- i) Imbuhan di- menurut Pandangan Asmah Haji Omar ii) Imbuhan di- menurut Pandangan Nik Safiah Karim iii) Perbandingan	14-16
5.	PERBINCANGAN	16-10
6.	KESIMPULAN	21
7.	RUJUKAN	22

1.0 PENGENALAN

Artikel ini merupakan hasil kajian yang dijalankan Oleh Anne Jeffrey Kihob Dan Saidatul Normis Bt Hj Mahali terhadap penggunaan imbuhan men-, di- dan ber- dalam penulisan karangan respons terbuka. Kajian ini melibatkan 31 teks karangan respons terbuka yang diambil daripada murid-murid tingkatan empat daripada sebuah sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah. Artikel ini diterbitkan di dalam jurnal Penguasaan Murid Tentang Penggunaan Imbuhan Men-, Di- Dan Ber- Dalam Penulisan Karangan Respons Terbuka. Tujuan artikel ini untuk menganalisis aspek kesalahan murid tentang penggunaan imbuhan awalan kata kerja meN-, di- dan beR- dalam penulisan karangan respons terbuka dan menganalisis hubung kait kesalahan penggunaan imbuhan awalan kata kerja meN-, di- dan beR- dalam penulisan karangan respons terbuka dengan kegramatisan ayat.

Pengimbuhan bukanlah pembentukan kata yang baharu dalam bidang Morfologi. Pembentukan kata ini sering kali diguna pakai dalam penulisan mahupun dalam pertuturan seharian. Pengimbuhan merupakan proses merangkaikan imbuhan kepada kata dasar untuk menerbitkan perkataan yang berlainan makna serta fungsi nahunya. Dalam konteks bahasa Melayu, imbuhan terdiri daripada morfem terikat yang dirangkaikan kepada kata dasar. Menurut Nik Safiah Karim (2015), apabila sesuatu kata dasar seperti ‘besar’ diimbuhkan dengan imbuhan seperti meN- atau ter-, akan terbit bentuk kata baharu dengan maksud yang berbeza seperti ‘membesar’ dan ‘terbesar’. Berdasarkan dapatan kajian, kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti turut mempunyai hubung kait dari segi makna. Kesalahan imbuhan yang telah dikenal pasti turut mempunyai hubung kait dari segi makna. Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaslah bahawa tanpa penguasaan yang kukuh tentang proses pengimbuhan, makna sesuatu kata baharu yang diterbitkan boleh berubah dan memberi kesan pada keseluruhan ayat yang dibina. Oleh hal yang demikian, kesalahan pengimbuhan ini tidak boleh dipandang ringan sebaliknya harus diberi perhatian

serius dalam mengurangi kesalahan bahasa yang merangkumi kesalahan tatabahasa di peringkat awal lagi iaitu merujuk kepada konteks institusi pendidikan di negara kita. Implikasi kajian ini dapat membantu guru - guru untuk mengetahui kelemahan penggunaan imbuhan dan murid dapat mengetahui kelemahan diri dan memperbaiki sekaligus meningkatkan pencapaian sendiri.

2.0 IMBUHAN meN-

Imbuhan awalan kata kerja meN- dalam Artikel

Menurut (Nik Safiah et al. 2015) Imbuhan awalan meN- merupakan imbuhan yang paling produktif dalam nahu Melayu kerana mempunyai empat varian dengan pengertian yang berbeza bagi kepelbagaian varian tersebut. Imbuhan awalan "meN-" menunjukkan perkataan tersebut ialah sejenis kata kerja yang membawa erti-erti berikut kepada kata dasar dalam sesebuah ayat aktif (subjek ayat menjadi pelaku), tidak kira transitif atau tak transitif Imbuhan awalan meN- dengan kata kerja boleh terbahagi kepada beberapa keadaan. Antaranya ialah :

BIL	Situasi / Keadaan	Contoh Ayat
1	Melakukan perbuatan	Siapakah yang mengetuk pintu itu ?
2	Membuat objek	Saya membakar roti.
3	Menjadi	Tengok, dia sudah meradang .
4	Mengeluarkan bunyi	Harimau itu mengaum sekuat-kuatnya
5	Menghala ke arah	Kereta itu menuju kearah sana.

Rajah 1 : Imbuhan awalan meN- mengikut keadaan

Dalam artikal kajian ini, terdapat beberapa kesalahan yang dihadapi oleh pelajar. Antaranya ialah seperti dalam jadual berikut :

BIL	AYAT	KESALAHAN IMBUHAN meN-	PEMBETULAN
1	Telefon bimbit membawa kepentingan kepada kalangan remaja yang memakses maklumat mengenai pelajaran, isu semasa dan ramalan cuaca.	Memakses	Mengakses
2	Contoh-contoh kesan negatif yang terdapat di dalam telefon bimbit ialah seperti gambar-gambar yang tidak sesuai, memain permainan video	Memain	Bermain

BIL	AYAT	KESALAHAN IMBUHAN meN-	PEMBETULAN
1	Telefon bimbit membawa kepentingan kepada kalangan remaja yang memakses maklumat mengenai pelajaran, isu semasa dan ramalan cuaca.	Memakses	Mengakses
	secara berlebihan.		
3	Remaja tanggung kerja rumah mereka yang diberi oleh guru.	Tanggung	Menanggung
4	Inilah akibat remaja sekolah tidak merasa sihat kerana tidak cukup rehat.	Merasa	Berasa
5	Mamanya budak itu telah membawa ke Klinik Tuaran mencheck .	Mencheck (bahasa inggeris)	Pemeriksaan Kesihatan

Jadual 2 : Kesalahan ayat dalam kajian yang melibatkan imbuhan meN-

Antara kesalahan murid ialah mereka keliru antara imbuhan meN- dengan imbuhan meng- contohnya seperti perkataan ‘memakses’ adalah salah, sebaliknya perkataan ‘mengakses’ adalah benar dan mempunyai makna setelah di imbuhan dengan betul. kata dasar ‘akses’ yang diimbuhan, sepatutnya menerima varian *meng-* kerana huruf pertama kata dasar ialah bunyi vokal ‘a’. Oleh itu, ‘memakses’ perlu diubah menjadi ‘mengakses’. Selain itu, Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bagi Imbuhan meN- ialah dalam ayat kedua, kata terbitan ‘*memain*’ adalah lebih tepat dengan penggunaan imbuhan awalan kata kerja beR- bagi membentuk kata kerja tak transitif berpelengkap iaitu ‘*bermain*’. Menurut Nik Safah et al. (2015), kata kerja transitif diikuti dengan objek atau penyambut bagi kata kerja. Oleh itu, dalam ayat ‘Remaja tanggung kerja rumah mereka yang diberi oleh guru’, kata ‘tanggung’ sewajarnya diimbuhan dengan imbuhan meN- untuk diterbitkan menjadi menanggung. Seterusnya Bagi kata ‘merasa’, seperti yang telah dinyatakan, varian meNberubah mengikut huruf pertama kata dasar. Dalam hal ini, pengimbuhan kata dasar ‘rasa’ dengan varian me- masih betul kerana huruf pertama

kata dasar ‘rasa’ bermula dengan ‘r’. Akhir sekali, dalam ayat kelima, varian *meN-* telah dicantumkan dengan kata bahasa Inggeris ‘check’ menjadi ‘mencheck’. Jelas sekali berlaku pelanggaran nahu bahasa Melayu kerana tidak ada kata bahasa Inggeris diimbuhkan dengan morfem bahasa Melayu. Oleh itu, murid disarankan menggunakan bahasa Melayu asli bagi ‘mencheck’ iaitu pemeriksaan kesihatan.

2.1 Pandangan Nik Safiah Karim et al.

Menurut pandangan daripada Nik Safiah *et al.* (2015), beliau telah menjelaskan bahawa terdapat empat bentuk varian bagi awalan *meN-* yang membentuk kata kerja aktif iaitu *me-*, *mem-*, *men-*, dan *meng-*. Perubahan varian yang berlaku pula bergantung kepada huruf pertama kata dasar yang mahu diimbuhkan dengan varian *meN-*. penggunaan imbuhan *meN-* untuk kata nama konkrit sahaja mempunyai makna yang luas dan boleh berlaku pertindihan makna. Kata nama konkrit sebagai kata nama tak bernyawa tetapi boleh dilihat dengan mata dan disentuh dengan jari atau bahagian badan yang lain, dihidu dan didengari. Sekiranya penahu terdahulu telah mentakrifkan imbuhan awalan *meN-* yang bergabung dengan kata nama konkrit untuk maksud ‘membuat’, ‘menjadi seperti’, ‘mengambil akan keadaan’, ‘berkeadaan’, ‘menuju sasaran’, dan ‘berlaku menyerupai sesuatu’, mereka pula mendapati pengertian tersebut boleh menyebabkan pertindihan makna. Kesannya, pengguna bahasa Melayu sendiri akan menjadi keliru untuk konsep dan aspek yang sebenarnya sama sahaja.

2.2 Pandangan Asmah Haji Omar

Menurut pandangan (Asmah 2009), Beliau berpendapat bahawa Imbuhan *meN-* adalah imbuhan kata kerja yang sangat produktif dalam bahasa Melayu. Imbuhan ini berfungsi sebagai penetap dan juga pengubah golongan kata misalnya, kata nama ekor kepada kata kerja mengekor. Walau bagaimanapun, bukan semua imbuhan kata kerja mendukung makna kerjaan apabila hadir bersama sesuatu leksikal. Contohnya, imbuhan *meN-* diimbuhkan bersama kata

adjektif hijau dalam ujaran ‘tumbuhan menghijau’. Adakah ujaran ini masih tergolong dalam kategori kata kerja? Di sini, konteks memainkan peranan penting bagi mengkategorikan sesuatu leksikal atau ujaran. Sebaiknya, sebelum mengkategorikan sesuatu leksikal itu kepada kata nama, kata kerja, atau kata adjektif, kita perlu bersifat ‘peka konteks’ dalam setiap ujaran yang dituturkan

2.3 Perbandingan

Berdasarkan ulasan yang terdapat dalam artikel dan juga pandangan daripada Nik Safiah dan Asmah berkaitan dengan penggunaan imbuhan awalan meN- tidak jauh berbeza. Kajian dalam artikel mendapati Imbuhan awalan "meN-" menunjukkan perkataan tersebut ialah sejenis kata kerja yang membawa erti-erti berikut kepada kata dasar dalam sesebuah ayat aktif (subjek ayat menjadi pelaku), tidak kira transitif atau tak transitif. Pada pandangan Nik Safiah et al. (2015), beliau telah menjelaskan bahawa terdapat empat bentuk varian bagi awalan meN- yang membentuk kata kerja aktif iaitu me-, mem-, men-, dan meng-. Manakala menjurut (Asmah, 2009) beliau berpendapat bahawa Imbuhan meN- adalah imbuhan kata kerja yang sangat produktif dalam bahasa Melayu. Imbuhan ini berfungsi sebagai pen tetap dan juga pengubah golongan kata misalnya, kata nama ekor kepada kata kerja mengekor.

Oleh itu, masalah yang dihadapi oleh pelajar mengenai kesalahan penggunaan imbuhan awalan kata kerja meN- telah mengganggu kegramatisan ayat yang ditulis oleh murid. Ayat menjadi tidak gramatis kerana pemilihan morfem imbuhan yang salah dan penggabungan unsur morfem bahasa Melayu dengan juga kata bahasa Inggeris. Kajian Paul et al. (2020) pernah menyifatkan penulisan ayat murid melibatkan unsur pemindahan latihan, pengeneralisasian dan pemudahan. Secara ringkasnya, pemindahan latihan merupakan terjemahan langsung bahasa pertama murid ke dalam bahasa kedua yang dipelajari.

3.0 IMBUHAN beR-

Kajian mengenai makna imbuhan beR- sememangnya telah banyak dijalankan oleh penahu-penahu terdahulu seperti Asmah Hj omar (1993), Zainal Abidin Ahmad (2000), Nik Safiah Karim et al. (2003), dan Abdullah Hassan (2006). Berdasarkan kajian yang telah dipilih oleh kumpulan kami yang bertajuk 'Penguasaan Murid Tentang Penggunaan Imbuhn MeN-, i- dan BeR- Dalam Penulisan Karangan Respon Terbuka'. Kajian ini telah membuktikan bahawa proses pengimbuhan bagi golongan kata kerja telah mencatat jumlah kesalahan yang tertinggi berbanding kata nama dan kata kerja iaitu sebanyak 62.1 peratus. Bentuk kesalahan imbuhan awalan kata kerja yang didapati selain daripada di- dan men- ialah ber-. Kajian ini juga berfokus untuk mengenal pasti mengapa pelajar sekolah menengah ini masih lemah dalam penggunaan imbuhan. Antara penggunaan imbuhan yang masih lemah dalam kalangan pelajar ialah imbuhan ber-. Pengkaji mendapati terdapat kesalahan morfologi yang tinggi untuk penggunaan imbuhan awalan beR- iaitu 44.4 peratus.

Tambahan itu, murid cenderung menggugurkan penggunaan imbuhan beR- dalam ayat yang ditulis. Ahmad Hafizainol dan Karim (2020) berpendapat bahawa murid tidak memahami fungsi penggunaan sesuatu imbuhan kerana terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka. Antara contoh kesalahan yang dicatatkan ialah, '...pergi **main** badminton dengan kawannya'. Pengkaji menyatakan bahawa perkataan 'main' tidak dibubuhkan dengan imbuhan beR- agar menjadi kata yang lebih tepat istilahnya iaitu 'bermain'. Kita baca sahaja ayat tersebut sememangnya kita sedar akan ketidaksempurnaan ayat tersebut walaupun maknanya masih boleh difahami. Namun begitu, ayat tersebut adalah tidak gramatis kerana kata kerja 'main' tiada imbuhan. Oleh itu, hasil ayat yang mematuhi tatabahasa dan Bahasa Melayu Standard ialah '...pergi **bermain** badminton dengan kawannya'.

Selain itu, berdasarkan kajian karangan respon terbuka pelajar ini, terdapat banyak kesalahan yang melibatkan imbuhan beR- seperti jadual berikut:

BIL.	AYAT	KESALAHAN IMBUHAN beR-	PEMBETULAN
1.	Kita boleh berhubung dengan keluarga atau kawan yang bertinggal di tempat lain...	bertinggal	tinggal
2.	Ada juga pelajar lewat datang ke sekolah kerana bermain <i>games</i> sehingga lewat malam, sebagai contoh pelajar bermain games tanpa berhenti kerana terlalu seronok bermain <i>games</i> .	berhenti	henti
3.	...kita harus berbijak memikir	berbijak memikir	bijak berfikir
4.	Pada pendapat saya, telefon bimbit ialah <i>alat berhubung</i> yang canggih pada zaman ini.	alat berhubung	alat perhubungan
5.	Kegunaan gajet penting bagi remaja untuk berkomunikasi seperti <i>berwhatsapp</i> ...	berwhatsapp	aplikasi <i>whatsapp</i>

Jadual 3 : Kesalahan ayat melibatkan imbuhan beR-

Menurut Ismail (2017) berpendapat bahawa imbuhan beR- berbeza dengan varian meN-. Beliau juga berpendapat semua huruf yang mendahului kata dasar boleh dicantumkan dengan awalan beR-. Sehubungan dengan itu, perkataan yang mempunyai imbuhan awal beR- mempunyai makna yang berbeza-beza. Perkataan yang menerima awalan beR- membawa pengertian seperti jadual berikut:

Bil.	PENGERTIAN IMBUHAN beR-	Contoh Perkataan
1.	Melakukan perbuatan seperti yang terkandung dalam kata dasar	Bercakap
2.	Refleksif	Bersandar
3.	Perbuatan bersalingan	Bertumbuk
4.	Keadaan yang sudah sedia berlaku	Bertulis
5.	Mempunyai	Berpelajaran
6.	Memakai atau menggunakan	Berkasut

7.	Mengusahakan sesuatu	Bersawah
8.	Menghasilkan	Bertelur
9.	Meminta bantuan	Berdukun
10.	Berada dalam sesuatu keadaan	Bergembira
11.	Memperoleh	Beruntung
12.	Menunjukkan bilangan	Beratus
13.	Bersama-sama	Berserta

Sumber: *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)*

Jadual 4: Pengertian Imbuhan beR- dan Contoh Perkataan

Pengkaji telah mengupas kesalah penggunaan imbuhan beR- bagi golongan kata kerja melalui penulisan karangan respon terbuka murid-murid tersebut. Berdasarkan konteks ayat pertama, murid telah meletakkan imbuhan beR- pada kata dasar ‘tinggal’. Menurut Kamus Dewan, ‘bertinggal’ bermaksud ‘berpesan’ misalnya dalam frasa ‘bertinggal kata’. Maka, ‘bertinggal’ ini tidak sesuai di dalam ayat tersebut dan tidak mempunyai jika dirujuk dalam Jadual 2. Tambahan itu, bagi ayat kedua pula, frasa ‘bermain *games* tanpa berhenti’ adalah salah kerana kata ‘henti’ tidak perlu ditambah imbuhan kerana ‘main’ sudah memadai menerima imbuhan awalan beR- sekali gus telah menunjukkan makna perbuatan refleksif. Bagi ayat ketiga pula, murid perlu menulis ‘bijak berfikir’ bukannya ‘berbijak memikir’ kerana kita perlu menekankan perbuatan berfikir itu dengan bijak. Di samping itu, dalam ayat keempat, ‘berhubung’ tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kata dasar ‘hubung’ dalam konteks ayat itu bermakna menekankan telefon bimbit sebagai suatu teknologi yang canggih. Oleh itu, imbuhan apitan lebih sesuai digunakan iaitu terhasil ‘perhubungan’ dan merujuk telefon bimbit sebagai kata nama. Akhir sekali, ayat kelima mengandungi kesalahan kerana mengandungi percampuran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Murid menulis ‘berwhatsapp’ dan ia sememangnya salah dalam tatabahasa Bahasa

Melayu dan menyebabkan kegramatisan ayat terjejas. Oleh itu, murid tidak boleh sesuka hati meletakkan imbuhan pada kata dasar.

3.1 Imbuhan beR- menurut Pandangan Nik Safiah Karim et al.

Menurut Nik Safiah Karim et al., menyatakan bahawa imbuhan awalan kata kerja beR menjadi kata kerja yang bersifat tak transitif, sama ada yang memerlukan pelengkap atau yang tidak memerlukan pelengkap. Aspek makna juga memainkan peranan penting pada perkataan yang menerima awalan beR. Perkataan-perkataan yang berawalan beR- ialah kata kerja yang membawa pengertian berlakunya sesuatu mengikut makna yang terkandung dalam kata dasar. Namun begitu, terdapat juga pengertian khusus, bergantung pada golongan perkataan tertentu. Golongan kata yang boleh bergabung dengan awalan beR- ialah kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Apabila kata nama bergabung dengan imbuhan awalan beR-, ia akan menghasilkan kata kerja. Contoh yang dapat kita lihat ialah kata nama 'kereta' bergabung dengan imbuhan ber- menghasilkan berkereta. Perkataan 'berkereta' tergolong dalam golongan kata kerja.

3.2 Imbuhan beR- menurut Pandangan Asmah Haji Omar

Bagi pandangan daripada Asmah Haji Omar pula, menyatakan bahawa awalan beR- mempunyai alomorfnya tersendiri iaitu beR- adalah be- dan bel-. Menurutnya lagi, alomorf beR- di depan semua bunyi konsonan dan vokal, kecuali bunyi *r*, misalnya berada, berbaris dan berlari. bagi be- di depan *r*, misalnya *berenang* dan *berehat*, dan pada kata *bekerja*. Akhir sekali ialah bel- iaitu di depan kata *ajar* dalam belajar. Maka, kita dapat lihat *r* itu digugurkan kerana ia sememangnya tatabahasa yang perlu dipatuhi dan mengikut kesesuaian perkataan itu sendiri. Jelaslah bahawa, pengimbuhan pada 'bekerja' dan 'belajar' disyaratkan oleh kata dasarnya. Dengan perkataan lain, pengimbuhan ini disyaratkan oleh ciri leksikal, sedangkan pengimbuhan yang lain ditentukan oleh ciri fonologi.

3.3 Perbandingan imbuhan beR- Antara Ulasan Jurnal dan Pandangan Tokoh

Setelah diulas, pendapat pengkaji dan pandangan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Hal ini dikatakan demikian kerana kesemua tokoh termasuk jurnal yang dikaji juga menyatakan bahawa imbuhan awalan beR- mempunyai makna yang berbeza mengikut konteks ayat. Buktinya ialah pengkaji bersetuju dengan Nik Safiah karim et al. bahawa imbuhan kata kerja beR- mempunyai makna yang berbeza. Contoh yang dapat kita lihat ialah pengkaji jurnal ini menjadikan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga iaitu penulisnya Nik Safiah Karim et al. sebagai rujukan dan makna awalan beR- yang disenaraikan adalah sama dengan di dalam buku. Misalnya ialah, beR- yang memberi pengertian suatu keadaan yang sudah sedia berlaku contohnya 'bertulis', 'berhidang' dan 'berjawab'. Namun begitu, penerangan di dalam Tatabahasa Dewan adalah lebih terperinci dan lebih memberi kefahaman kepada murid-murid. Tambahan itu, pandangan Asmah Haji Omar juga sama dari aspek makna imbuhan awalan kata kerja beR- ini tetapi Asmah Haji Omar ada menyentuh berkenaan alomorf di mana alomorf beR- boleh berubah menjadi bel- dan be- mengikut kesesuaian perkataan itu sendiri misalnya perkataan 'rasa'. Jika digabungkan dengan imbuhan beR-, *r* itu akan digugurkan lalu menjadi 'berasa' dan kita dapat lihat di sini alomorf yang terlibat ialah be-. Oleh itu, jika diteliti dengan baik, penggunaan imbuhan beR- ini sebenarnya tidaklah sukar seperti yang disangka. Hal ini kerana imbuhan beR- lebih mudah untuk difahami berbanding pembelajaran imbuhan yang membentuk kata kerja lain misalnya meN, MeN...kan, memper...kan, di...kan atau apitan yang lain kerana imbuhan beR- tidak mempunyai varian morfem yang kompleks.

Masalah di sini ialah murid masih lemah memilih imbuhan yang tepat berdasarkan konteks ayat. Maka, jika guru menerangkan penggunaan imbuhan ini dengan lebih baik maka murid dapat mengaplikasikannya dalam menghasilkan ayat sekali gus tidak menjejaskan kegramatisan ayat. Misalnya, murid dapat membezakan 'merasa' dan 'berasa' konteks ayat yang bagaimana bersesuaian untuk digunakan dengan kehadiran imbuhan awalan yang

berbeza. Murid juga perlu sentiasa membuat latihan agar pemahaman mereka terhadap imbuhan semakin meningkat.

4.0 IMBUHAN di-

Imbuhan di- Dalam Artikel.

Awalan di- merupakan awalan yang boleh dimbuhkan pada semua huruf yang mendahului kata dasar menurut Ismail, 2017. Kebanyakan kesalahan yang sering dilakukan oleh murid untuk imbuhan kata kerja di- ialah murid gagal membezakan sama ada ejaan tersebut perlu diasingkan atau disatukan. sebagai contohnya, dapat kita lihat kesalahan murid untuk mengeja perkataan “dicuci” sebagai “di cuci” dan “di rumah” sebagai “dirumah”. Menurut Nik Safiah (2015 telah menyatakan bahawa awalan imbuhan di- yang digabungkan dengan kata dasar, membentuk kata kerja pasif dan sepatutnya dieja serangkai dengan kata dasar. Seterusnya, kata di- yang merupakan kata sendi nama pula perlu digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat serta ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Apabila murid cenderung melakukan kesalahan penggunaan imbuhan awalan di- perkara ini akan menimbulkan gangguan terhadap kegramatisan ayat. Hal ini kerana, ayat akan menjadi tidak gramatis kerana, wujudnya kesalahan dalam pemilihan morfem imbuhan dan juga penggabungan unsur morfem bahasa Melayu dengan kata bahasa Inggeris. Perkara ini akan menyebabkan penulisan akan menjadi cacamarba disebabkan penggunaan bahasa Melayu yang tidak betul. Pada masa yang sama juga, apabila murid gagal membezakan golongan kata yang ditulis sama ada imbuhan atau kata sendi nama perkara ini akan membawa kepada kesalahan ejaan. Pada dasarnya perkara ini kelihatan kecil dan remeh namun ianya merupakan sesuatu yang harus dititikberatkan agar murid tidak melakukan kesalahan yang berulang.

Imbuhan awalan di- sering mengelirukan murid sama ada harus dieja secara rapat atau diasingkan. Perkara ini harus diambil kira supaya murid akan peka dengan tatabahasa dan penggunaan imbuhan yang betul. Guru juga harus sentiasa memainkan peranan memberi penerangan kepada murid supaya masalah ini dapat diselesaikan.

4.1 Imbuhan di- Menurut Pandangan Asmah Haji Omar.

Menurut Asmah Haji Omar, awalan di- hanya terdapat pada kata kerja pasif dan transitif jati. Awalan ini merupakan penetap golongan, dan boleh dipasangkan dengan bentuk yang mempunyai me-. Sebagai contohnya, menulis boleh menjadi ditulis, membaca menjadi dibaca.

4.2 Imbuhan di- Menurut Pandangan Nik Safiah Karim.

Awalan di- ialah awalan yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja pasif bagi ayat yang subjek asalnya terdiri daripada pelaku orang ketiga. Awalan di- sebagai pembentuk kata kerja pasif mempunyai hanya satu bentuk iaitu di- sebagai contohnya kata kerja sapu apabila menerima imbuhan di akan membentuk kata terbitan disapu. Dari segi aspek makna awalan di-, awalan di- tidak terdapat makna khusus pada awalan di- selain menjadi pembentuk kata kerja pasif untuk orang ketiga. Selain itu juga, beliau juga berpandangan bahawa selain daripada diidentifikasi sebagai satu morfem tersendiri, imbuhan-imbuhan ini juga digolongkan sebagai apitan kata kerja /di-i/. Imbuhan di-...-i yang digolongkan sebagai apitan ialah merupakan bentuk pasif bagi meN-...-i. Terdapat contoh yang letak diberikan bagi bentuk kata aktif meN-...-i dan bentuk kata pasif di-...-i.

AKTIF	PASIF
mempelopori	dipelopori

mengotori	dikotori
memanjai	dimanjai
meyakini	diyakini
membatasi	dibatasi

Sumber: *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)*

Jadual 5: Bentuk aktif meN-...-i dan bentuk pasif di-...-i

4.3 Perbandingan Imbuhan di- Antara Ulasan Jurnal dan Pandangan Tokoh

Ulasan yang ada pada jurnal dan pandangan ahli adalah tidak begitu berbeza. Mereka menekankan bahawa awalan imbuhan di- hanya terdapat pada kata kerja pasif dan awalan di- harus digabungkan dengan kata dasar akan membentuk kata kerja pasif dan harus ditulis secara serangkai. Menurut Asmah Haji Omar pula memberi pandangan yang awalan di- boleh digunakan dengan bentuk yang mempunyai me-. Manakala menurut Nik Safiah pula memberi pandangan bahawa, awalan di- sebagai pembentuk kata kerja pasif mempunyai hanya satu bentuk iaitu di- sebagai contohnya kata kerja sapu apabila menerima imbuhan di akan membentuk kata terbitan disapu. Walaubagaimanapun, pandangan dari mereka adalah tidak begitu jauh perbezaannya. Selain itu juga, kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa morfem terikat /di-/ dan /-i/ boleh berdiri sebagai satu imbuhan tersendiri, dan digolongkan sebagai awalan kata kerja /di-/ dan akhiran kata kerja /-i. Sebagai contohnya, dikotori dan sebagainya.

5.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan artikel ulasan jurnal, kita dapat lihat bahawa masih berlaku kekeliruan penggunaan imbuhan dalam kalangan pelajar. Mereka tidak dapat menguasai penggunaan imbuhan dengan kata kerja dengan betul. Kesilapan penggunaan imbuhan akan menyebabkan ayat menjadi tidak gramatis dan sukar untuk difahami oleh penutur. Kita dapat lihat bagi

kesalahan penggunaan imbuhan mem- bagi perkataan ‘akses’ adalah salah. Imbuhan meN- menjadi mem- apabila bermula dengan huruf b dan perkataan pinjaman yang bermula dengan huruf f, p, dan v. Hal ini menunjukkan bahawa imbuhan mem- tidak boleh digunakan bagi perkataan “akses”. Imbuhan yang sesuai digunakan adalah imbuhan meng- kerana meN- menjadi meng- apabila digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan huruf g, gh, kh, dan h (bunyi konsonan), dan a, e, i, o dan u (bunyi vokal) (Nik Safiah Karim). Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkataan “akses” perlu menggunakan imbuhan meng-. Selain itu, kita lihat pula pada kesalahan penggunaan imbuhan bagi kata kerja “main”. Awalan beR- membentuk kata kerja yang bersifat tak transitif, sama ada yang memerlukan pelengkap atau yang tidak memerlukan pelengkap manakala awalan meN- membentuk kata kerja aktif transitif yang memerlukan objek untuk melengkapkan maksudnya. Contoh ayat yang terdapat dalam artikel ini ialah “contoh-contoh kesan negatif yang terdapat di dalam telefon bimbit ialah seperti gambar-gambar yang tidak sesuai, **memain** permainan video secara berlebihan”. Perkataan bermain di dalam ayat ini menunjukkan kesalahan penggunaan imbuhan di mana imbuhan yang sepatutnya digunakan dialah beR-. Perkataan “permainan” merupakan pelengkap, jadi perkataan “memain” perlu ditukar kepada “bermain”. Seterusnya, kita dapat lihat pada ayat “remaja tangguh kerja rumah”, apabila terdapat ayat seperti ini, penggunaan kata “tangguh” sudah tidak menunjukkan formaliti dalam penulisan formal. Jika dilihat, penggunaan kata “menangguh” menunjukkan penggunaan imbuhan men- dapat memberi penekanan pada bentuk penulisan lebih rasmi selain menunjukkan ayat yang ditulis adalah ayat aktif transitif dengan adanya unsur penyambutan dalam ayat yang dibina. Pada asasnya, perkataan “tangguh” masih boleh difahami namun ia tidak menunjukkan kegramatisan ayat dalam penulisan formal. Penggunaan imbuhan lebih menunjukkan kegramatisan ayat seperti “remaja menangguh kerja rumah mereka yang diberi oleh guru”. Ayat ini lebih formal dan gramatis dalam konteks penulisan formal. Selain itu, bagi perkataan “merasa’ dan “berasa”,

murid perlu tahu membezakan makna bagi kedua-dua perkataan ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, maksud “merasa” adalah perbuatan mengalami rasa dengan lidah, manakala “berasa” mendapat rasa yang dialami oleh bahagian-bahagian badan. Oleh itu, dalam konteks ayat “inilah akibat remaja sekolah tidak **merasa** sihat kerana tidak cukup rehat”, perkataan “berasa” lebih sesuai digunakan kerana ayat tersebut menerangkan badan remaja yang tidak sihat.

Selain itu, kita juga dapat lihat kesalahan morfologi yang tinggi untuk penggunaan imbuhan awalan kata kerja bukan sahaja meN- tetapi juga imbuhan beR- yang mencatatkan sebanyak 44.4% dalam penulisan Karangan Respon Terbuka. Pada pendapat saya juga saya bersetuju dengan pengkaji yang menyatakan terdapat kekeliruan antara beberapa pelajar dalam penggunaan imbuhan beR- kerana mereka tidak memahami fungsi penggunaan sesuatu imbuhan dan terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka sendiri. Kebanyakan mereka terbiasa dengan bahasa ibunda mereka hingga menggunakan imbuhan beR dengan salah seperti dalam ayat yang terkandung dalam kajian karangan respon terbuka iaitu “ Kita boleh berhubung dengan keluarga atau kawan yang bertinggal di tempat lain.” Menurut pendekatan deskriptif yang berkonsepkan bervariasi bebas dan menerima kepelbagaian bentuk kata kerja ini akan dianggap benar sahaja. Hal ini disebabkan, sebagai pengguna bahasa, kita dapat memahami apa yang dimaksudkan dalam ayat tersebut kerana hanya memerhatikan perilaku sahaja. Namun, mengikut pendekatan preskriptif iaitu menurut tatabahasa dewan ayat yang dinyatakan adalah tidak benar kerana ‘bertinggal’ membawa maksud yang berlainan iaitu ‘berpesan’ dalam Kamus Dewan. Hal ini menunjukkan pelajar tidak masih dapat menguasai cara penggunaan imbuhan beR- dengan lebih tepat.

Pada pandangan saya sendiri, imbuhan beR- juga sering berlaku dalam kalangan pelajar adalah disebabkan pelajar tidak mengetahui bahawa imbuhan beR- membawa maksud yang berbeza-beza. Oleh itu, pelajar perlulah sentiasa merujuk Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga

(2015) seperti dalam jadual 4 agar dapat menggunakan imbuhan beR dengan tepat kerana sudah mendalami maksud beR- tersebut. Tambahan pula, saya juga menitikberatkan pelajar supaya sentiasa merujuk pandangan tokoh daripada Nik Safiah Karim et al dan juga Asmah Haji Omar kerana walaupun terdapat perbezaan dalam pandangan mereka berkenaan dengan imbuhan beR- tetapi kedua-duanya dapat membantu pelajar untuk memahami dan mendalami imbuhan beR- dalam penggunaan ayat yang gramatis. Sebagai contoh, Nik Safiah Karim et al dapat membantu murid untuk memberi kefahaman bahawa makna awalan bagi imbuhan kata kerja beR- adalah berbeza dan mempunyai makna yang tersendiri. Manakala, pandangan Asmah Haji Omar memberikan pengetahuan kepada murid dengan lebih mendalam tentang imbuhan beR-. Sebagai contoh, beliau menyentuh berkenaan alomorf beR- yang boleh berubah menjadi be- dan bel- misalnya bagi perkataan yang mengandungi awalan r seperti 'berasa' untuk alomorf be- dimana kata dasar yang bermula dengan huruf r, dua r yang bergabung itu akan berubah menjadi satu r melalui proses peleburan dan alomorf bel- dalam perkataan ajar menghasil satu bentuk pengecualian iaitu 'belajar'. Jelaslah bahawa kedua-dua pandangan tokoh dapat memberi maklumat yang lebih terperinci lagi berkenaan imbuhan beR- kepada pelajar agar lebih mudah untuk pelajar pahami. Oleh itu, saya berpendapat bahawa imbuhan beR- perlulah dipelajari lagi dengan berpandukan beberapa tokoh dan tatabahasa dewan agar pelajar dapat lebih menguasai lagi penggunaan imbuhan beR- iaitu dalam konteks makna beR- dan juga penggunaan alomorf beR- pada beberapa kata dasar.

Seterusnya, kesalahan yang berlaku dalam penggunaan imbuhan di- masih sering berlaku dalam kalangan pelajar. Pelajar gagal membezakan sama ada "di" merupakan imbuhan atau kata sendi nama. Hal ini dapat ditentukan dengan melihat kata yang mengikuti imbuhan di-. Imbuhan di- membentuk kata kerja bersifat pasif dan kata sendi nama "di" digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Pelajar perlu membezakan sama ada "di" ialah imbuhan atau kata sendi nama supaya ejaan mereka betul. Sebagai contoh,

sekiranya di tersebut berfungsi sebagai kata sendi nama, maka ejaan tersebut terpisah dari kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah membahaskan kesalahan-kesalahan murid dalam pengimbuhan terutama imbuhan awal. Kajian ini telah memperlihatkan kita bahawa kekeliruan pengimbuhan mudah terjadi apabila murid tidak memahami konsep dan kegunaan imbuhan mengikut kegramatisan ayat. Misalnya, murid gemar melakukan kesalahan memasukkan imbuhan pada perkataan bahasa Inggeris dengan alasan sedap bunyinya namun ia melanggar nahu bahasa Melayu iaitu mencapurkan adukkan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Kesalahan pengimbuhan merupakan kesalahan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur jati yang terpelajar. Dalam kajian ini turut menekankan bagaimana proses pengimbuhan itu berlaku, murid juga perlu tahu fungsi serta perubahan makna yang berlaku selepas proses pengimbuhan berlaku supaya murid dapat menggunakan imbuhan mengikut kesesuaian dari konteks makna gramatikal serta makna satuan ayat itu. Oleh hal demikian, pada pendapat kami, kajian ini dapat dijadikan panduan khususnya kepada guru-guru untuk mengenalpasti dimana terletak kesalahan penggunaan imbuhan yang selalu dilakukan oleh murid dan membuat penambahbaikan dalam konteks pelajaran kelak.

RUJUKAN

Ahmed Hafizainol Ahmed Adris & Karim Harun. (2020). Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu, Isu Khas* Disember. 457-447.

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Dahaman. (2017). *Canggihnya bahasa Melayu: Sistem pembentukan kata, unsur bergabung tutur bersambung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Husain Munaf, 1962 *Tatabahasa Morfologi*:Frasco